

BERITA HARIAN

DATE: 13/4/2011

Tiga inisiatif dilaksana segera

Perkukuh peranan pasaran modal, projek baru dan teknologi hijau



Oleh Kamarulzaidi Kamis, Syuhada Choo Abdullah, Suffian A Bakar, Shahrizan Salian, Ahmad Farizal Hajat dan Mohd Zaky Zainuddin
bhnews@bharian.com.my

PELAN Induk Pasaran Modal Kedua (CMP2) yang disasar mengandakan saiz pasaran modal negara sehingga RM5.8 trilion menjelang 2020 akan digerakkan Suruhanjaya Sekuriti (SC) dalam tempoh segera dengan tiga daripada pelbagai inisiatif yang dirangka akan dilaksanakan menjelang suku ketiga tahun ini.

Inisiatif itu ialah melakukan perubahan dalam rangka kerja kawal selia penambahan dana serta produk bagi mengurangkan kerenah birokrasi, seterusnya mempercepatkan proses kelulusan.

Keduanya, ialah pengenalan skim dwilesen baru yang akan memudahkan wakil niaga pasaran ekuiti, sekali gus mendapat lesen bagi membolehkan mereka berdagang dalam pasaran deriva-

tif, dan ketiganya ialah menyediakan perancangan meningkatkan bilangan pedagang saham harian tiga kali lebih tinggi bagi membolehkan lebih banyak wakil niaga berkepakaran.

"Ini hanyalah tiga daripada inisiatif CMP2 yang dilaksanakan menjelang suku ketiga tahun ini, tanpa gangguan, tanpa penangguhan, hanya pelaksanaan yang lancar dan efektif," kata Datuk Seri Najib Razak ketika mengumumkan pelan hala mengandungi strategi inovatif untuk pembangunan pasaran modal Malaysia bagi tempoh 10 tahun akan datang itu dalam ucaptamanya pada persidangan Invest Malaysia 2011 di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri menegaskan, salah satu keutamaan



NAJIB menerima buku Pelan Induk Pasaran Modal Kedua daripada Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Zarinah Anwar selepas menyampaikan ucapan pada persidangan 'Invest Malaysia 2011', semalam.

CMP2 ialah mengukuhkan peranan pasaran modal dalam menggalakkan pembentukan modal daripada peringkat permulaan kepada pembiayaan inovatif, projek besar baru dan teknologi hijau yang canggih.

Bagi tujuan itu, katanya, kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak dana kepada industri modal teroka dan ekuiti swasta melalui

penggubalan peraturan kawal selia menyeluruh serta menyediakan insentif dan sokongan kepada kumpulan sasaran.

Untuk menggalakkan transaksi berskala besar pula, akses kepada pasaran bon dipertingkatkan, mempertingkatkan minat pelabur terhadap penawaran pelbagai produk hutang dan risiko kredit, memperluas penyertaan industri

pengurusan pelaburan dan pelabur runcit dalam pelaburan pendapatan tetap, serta menambah baik infrastruktur pasaran.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kajian semula impak keseluruhan sistem strategi pelaburan institusi, terutama bagi memastikan penggunaan optimum dana syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dilakukan bagi meningkatkan kecekapan pengantaraan dalam kitaran simpanan domestik kepada pembiayaan pembangunan ekonomi rancak dan pelbagai.

Perdana Menteri turut mengumumkan, EKUINAS, syarikat yang ditubuhkan bagi meningkatkan penyertaan ekuiti Bumiputera dalam perniagaan, menasarkankan melabur RM600 juta tahun ini yang berupaya meningkatkan penjana modal mencecah RMI bilion.

Kerajaan juga, katanya, akan memuktamadkan penjualan 10 syarikat miliknya tahun ini dengan penjualan ekuiti milik Khazanah Nasional Bhd dalam Pos Malaysia Bhd sudah pada peringkat akhir.